

# Pelabur Jerman dipelawa sertai projek MSC

BH 19 MAR 2002

MUNICH, Isnin - Malaysia akan melancarkan beberapa lagi projek baru dalam lapan aplikasi perdana yang diperkenalkan melalui program Koridor Raya Multimedia (MSC).

Sehubungan itu, pelabur Jerman termasuk dalam perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dipelawa menyertai projek berkenaan menerusi usaha sama dengan sektor swasta Malaysia.

Pelawaan itu disampaikan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie, pada Forum Perniagaan Malaysia-Jerman: Peluang Perniagaan di Malaysia, di sini pagi ini.

Lebih 300 wakil pelbagai sektor dari kedua-dua negara menghadiri forum itu, anjuran Institut Kepimpinan dan Strategik Asia (Asli) serta beberapa agensi berkaitan termasuk Mida dan Matrade, sempena lawatan rasmi tiga hari Datuk Seri Dr Mahathir Mo-

hamad ke Jerman mulai hari ini.

Perdana Menteri turut menyampaikan ucapan bertajuk Merealisasikan Wawasan: Pendekatan Malaysia pada sesi petang forum itu dan disertai dialog.

Sesi ucapan Dr Mahathir dipengerusikan oleh Presiden Dewan Perdagangan dan Industri Malaysia-Jerman MGCC) Erdmann Vogt yang juga Pengarah Urusan Deutsche Bank Malaysia.

Moggie dalam ucapannya bertajuk Peluang Kerjasama Dalam Pembangunan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) di Malaysia, menjelaskan pelaksanaan projek baru dalam aplikasi sedia ada bertujuan merangsang dan melonjakkan lagi penggunaan ICT serta e-dagang dalam pelbagai sektor termasuk kewangan, pembuatan, pengangkutan dan pelancongan.

Beliau berkata, projek

baru itu akan dilaksanakan secara berperingkat mulai suku ketiga tahun ini dan membabitkan pengenalan teknologi terkini bagi meningkatkan kecekapan, produktiviti dan persaingan sektor berkenaan.

Moggie tidak menamatkan projek baru itu, tetapi berkata pelaksanaannya akan menyediakan banyak peluang perniagaan dan pembangunan penyelidikan (R&D) yang dapat direbut sektor swasta.

Pada masa ini, MSC yang dilancarkan pada Ogos 1996 mempunyai lapan aplikasi perdana, termasuk Aplikasi Pembangunan Usahawantekno yang diperkenalkan baru-baru ini bagi membimbing dan memudahkan pertumbuhan pengusaha ICT.

Tujuh lagi aplikasi perdana pula dilancarkan pada 1997. Ini termasuk Sekolah Pintar, Kad Pelbagai Guna, Kerajaan Elektronik dan Tele-perubatan.

Moggie berkata, Malaysia turut berminat mewujudkan kerjasama bidang penyelidikan dengan institusi pengajian tinggi serta badan berkaitan.

Malah, katanya, dasar bagi penubuhan Pusat Kecemerlangan Komunikasi dan Multimedia sedang dirangka dalam usaha menjadikan Malaysia pusat R&D antarabangsa untuk industri ICT dan multimedia.

Beliau juga berkata, syarikat Jerman boleh memanfaatkan inisiatif Malaysia-China untuk menerajui projek mega di rantau Asia, seperti Lintasan Kereta Api Trans Asia yang turut mempunyai rancangan menghubungkan fiber optik dari Singapura ke Yunan, China merentasi Malaysia, Thailand dan Indochina.

"Pelabur Jerman boleh merebut peluang ini menerusi usaha sama dengan syarikat Malaysia," katanya.